



MEMO – HAL EHWAL PELAJAR BIL. 7/ 2021

COVID-19: PEMAKLUMAN TERKINI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BERKAITAN
PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
SEPANJANG
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI SELURUH MALAYSIA BERMULA
12 MEI HINGGA 7 JUN 2021

1.0 Pemakluman ini merujuk kepada kenyataan-kenyataan berikut:

- 1.1 Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang berkuatkuasa pada 25 Mei hingga 7 Jun 2021;
- 1.2 Pekeliling Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH UKM) Bil. 5/ 2021 bertarikh 24 Mei 2021; dan
- 1.3 SOP Sektor Pengajian Tinggi bertarikh 25 Mei 2021.

2.0 Pemakluman ini terpakai kepada semua pelajar Prasiswazah dan Pasca Siswazah di dalam dan luar kampus.

3.0 Berdasarkan situasi semasa kes COVID-19 yang semakin meningkat di Selangor, Kampus UKM juga turut terdedah kepada kemungkinan dijangkiti wabak tersebut.

3.1 Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan Pelajar Dalam Kampus Sepanjang PKP

- 3.1.1 Semua aktiviti keluar/ masuk kampus Bangi, Cheras dan Kuala Lumpur adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi tujuan **KECEMASAN** melalui kelulusan pentadbiran Kolej Kediaman, Fakulti/ Institut/ Pusat atau Pusat Hal Ehwat Pelajar (HEP-UKM) menggunakan Borang Permohonan Keluar/ Masuk Kampus dalam format PDF seperti berikut: https://drive.google.com/file/d/1G-F9TZs_uC0JhIDCDa3spGcWJQ5PLDXQ/view?usp=sharing
- 3.1.2 Bahagian Keselamatan UKM bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan kawalan keluar/ masuk kampus di Pintu Utama Kampus Bangi/ Kuala Lumpur/ Cheras.
- 3.1.3 Pelajar-pelajar berkeperluan seperti latihan klinikal, peperiksaan profesional, makmal, studio, amali atau akses internet dan seumpamanya perlu mendapatkan “**SURAT KEBENARAN KELUAR/MASUK KAMPUS**” yang dikeluarkan oleh pihak Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi membolehkan pelajar yang berkeperluan hadir secara fizikal bagi tujuan ini.
- 3.1.4 Pelajar yang tinggal di kolej kediaman tidak dibenarkan menerima pelawat sepanjang tempoh PKP.



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pgh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

- 3.1.5 Sebarang permohonan untuk memberi sumbangan kepada pelajar sepanjang PKP perlu mendapatkan kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 3.1.6 Pelajar yang memerlukan rawatan pada waktu pejabat boleh hadir ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU). Walau bagaimanapun, pelajar yang memerlukan rawatan selepas waktu pejabat, sila hubungi Pegawai Perubatan (*On-Call*) di talian 012-6485541 atau Paramedik di talian 012-6485542. Di samping itu, pelajar juga boleh berhubung dengan Pengetua/ Felo Penghuni Kolej Kediaman untuk bantuan.
- 3.1.7 Premis perniagaan (kafeteria/ kios/ kedai runcit/ koperasi) dalam kampus hanya dibuka bermula **8.00 pagi hingga 8.00 malam** (tertakluk kepada perubahan semasa) dan pembelian secara bawa pulang (*take away*) sahaja dibenarkan. Perkhidmatan penghantaran makanan melalui aplikasi dalam talian adalah **DIBENARKAN**.
- 3.1.8 Semua penganjuran aktiviti/program pelajar secara fizikal sepanjang tempoh PKP adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 3.1.9 Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal terhad kepada **joging, berbasikal dan senaman sahaja** dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter dalam kawasan kampus adalah dibenarkan. Masa yang dibenarkan untuk aktiviti sukan dan rekreasi adalah pada 4.00 petang hingga 7.00 malam.
- 3.1.10 Sebarang perhimpunan pelajar termasuk kumpulan perbincangan di mana-mana ruang terbuka adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 3.1.11 SOP penggunaan surau di Kolej Kediaman perlu dirujuk kepada pentadbiran Kolej Kediaman/Pusat Islam UKM

3.2 Penangguhan Pergerakan Pelajar Kembali ke Kolej Kediaman

- 3.2.1 Pelajar Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 yang menangguhan pergerakan kembali ke Kolej Kediaman baru-baru ini diminta untuk mengisi **Borang Maklum Balas Penangguhan Kembali ke Kampus** secara dalam talian seperti di pautan berikut: <https://forms.gle/9ngX5hmwSK27XWuz9>
HEP-UKM akan mengatur semula pergerakan pelajar kembali ke Kolej Kediaman apabila dibenarkan oleh JKTK UKM dari semasa ke semasa.
- *Pelajar luar kampus juga diminta untuk mengisi Borang Maklum Balas Penangguhan Kembali ke Kampus bagi tujuan rekod dan penyelarasan.**
- 3.2.2 Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) terkini perlu dirujuk kepada pensyarah Fakulti/ Institut/ Pusat masing-masing.
- 3.2.3 Pelajar latihan industri perlu merujuk kepada Memo Hal Ehwal Akademik Bil. 3/ 2021-Arahan Pelaksanaan Program Latihan Industri Semasa Pandemik COVID-19 Semester 2 Sesi Akademik



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghsiswa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

2020/ 2021 seperti di pautan berikut: <https://drive.google.com/file/d/1gu1c8wDp5Ekg9ax-wVOyAr7A1R1OB3ca/view?usp=sharing>

3.3 Prosedur Pelajar Daftar Keluar Kolej Kediaman/ Pulang ke Kampung Halaman (Selesai Urusan di Kampus)

- 3.3.1 Permohonan perlu dibuat kepada Pengarah HEP-UKM dengan melengkapkan Surat Aku Janji Pelajar Untuk Kebenaran Pergerakan Pulang ke Kampung Halaman Universiti Kebangsaan Malaysia seperti di pautan berikut: <https://drive.google.com/file/d/1jBGugqa4HiuvLkyvTQoSPwbpWRfvp4KR/view?usp=sharing> dan dihantar ke emel pghhep@ukm.edu.my sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh yang ditetapkan.
- 3.3.2 Prosedur ini terpakai bagi pelajar yang tinggal di dalam dan di luar kampus yang telah mendapat pengesahan daripada fakulti/ insitut/ pusat.
- 3.3.3 Bagi pelajar dalam kampus yang telah selesai urusan di kampus, pelajar boleh mendaftar keluar Kolej Kediaman secara berperingkat pada 4, 11, 18 dan 25 Jun 2021.
- 3.3.4 Pelajar adalah diingatkan bahawa UKM hanya bertanggungjawab memberi surat sokongan kebenaran kepada pelajar untuk pulang ke kampung. Walau bagaimanapun, pergerakan merentas negeri masih tertakluk kepada kebenaran pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- 4.0 Pelajar diminta jujur serta memberikan maklumat yang benar sepanjang operasi pergerakan ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kesalahan pelajar dilaporkan kepada pihak berkuasa dan jika disabitkan kesalahan pihak universiti boleh mengenakan tindakan tatatertib.
- 5.0 Sebarang pelanggaran SOP dalam kalangan pelajar di dalam kampus terutamanya di Kolej Kediaman (contohnya: kesalahan setinggian, melebihi kapasiti penghuni atau aktiviti berkumpul yang tidak mematuhi SOP), aduan boleh terus diajukan ke Bahagian Keselamatan UKM di talian 03-89214444/ 4666.
- 6.0 Setiap pelajar dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Kerjasama para pelajar untuk lebih cakna dalam pematuhan SOP dan sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan adalah amat dihargai.
- 7.0 Sebarang perubahan pemakluman adalah tertakluk kepada arahan semasa oleh MKN/ KKM/ KPT/ UKM.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghsiswa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

8.0 Berikut adalah **Talian Hotline** yang boleh dihubungi oleh pelajar seperti di bawah:

Bil.	Nama	Emel & No. Telefon	Urusan
1.	Encik Asyraf bin Radzwan	asyraf@ukm.edu.my / 012-9510714	<ul style="list-style-type: none"> • Kecemasan • Sistem Pengesahan Kembali ke Kampus (UKM2campus) • SOP Keluar/ Masuk Kampus Pelajar
2.	Puan Hazrin Adila binti Mohamad Hashim	hamh@ukm.edu.my / 019-3330568	
3.	Encik Muhammad Afdzal bin Mohd Affandi	afdzalaffandi@ukm.edu.my / 018-7744108	<ul style="list-style-type: none"> • Kebajikan & Kenderaan bagi kegunaan pelajar
4.	Puan Yuslina binti Johari/ Encik Mohd Nazri bin Mhd Nasir/ Encik Shaiful Bakri bin Mohammad/ Puan Nurul Nadia binti Rosli	011-12302516/ 017-3468330/ 017-6342542/ 011-12302506 atau 03-89215070	<ul style="list-style-type: none"> • Khidmat Kaunseling & Kesihatan Mental
5.	Dr. Mohd Azman bin Abas/ Dr. Masdalina binti Azhari	016-6654442/ 019-2645072	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
6.	Encik Mohamad Solehuddin bin Anuar	anuarsolehuddin@ukm.edu.my / 03-89214444 013-5087350	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Keseamatan UKM
7.	Pejabat HEP-UKM (waktu pejabat sahaja)	pqhhep@ukm.edu.my / 03-8921 4670/ 4531/ 4532/ 4534	

Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)

27 Mei 2021

*Memo ini telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada JKTK UKM.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghsiswa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

